

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	10/1/2011

Pemecatan Hasan Ali soal dalaman PAS: PM

UMNO tak ada kena mengena, bukan urusan parti



DATUK Seri Najib Razak, berkata, pemecatan Datuk Dr Hasan Ali sebagai ahli PAS adalah soal dalaman parti itu dan tidak ada kena mengena dengan UMNO.

"Dari segi UMNO kita anggap ini sebagai soal dalaman PAS dan tidak ada kena mengena sama sekali dengan sebarang campur tangan UMNO," katanya.

Bercakap pada sidang media sebelum berlepas pulang ke tanah air selepas menghadiri Sambutan 100 Tahun Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) di sini, kelmarin, Perdana Menteri berkata, permasalahan dalam PAS adalah berkaitan dasar dan bala tuju parti itu.

Katanya, ada perbezaan pendapat

besar di kalangan kepimpinan PAS mengenai masa depan dan bala tuju parti itu.

"Kita terlibat ini bukan saja soal Hasan Ali, tetapi permasalahan ini ada sangkut paut dengan dasar dan bala tuju PAS.

"Nampaknya ada perbezaan pendapat besar mengenai bala tuju dan masa depan PAS... tetapi perkara pokoknya kita anggap ini sebagai soal dalaman PAS, bukan urusan UMNO sama sekali," katanya.

Pemecatan keahlian Hassan yang

" Kita melihat ini bukan saja soal Hasan Ali, tetapi permasalahan ini ada sangkut paut dengan dasar dan hala tuju PAS"

Najib Razak
Perdana Menteri

juga Exco Hal-Ehwal Agama Islam, Adat-Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Selangor, yang berkuat kuasa serta-merta diputuskan pada mesyuarat PAS Pusat kelmarin.

Mengenai dakwaan pemimpin pembangkang kononnya pakatan itu menambab bilangan kerusi dan menawan beberapa negeri lagi pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), Najib berkata, beliau tidak pelik dengan kenyataan sedemikian.

Katanya, pembangkang juga mendakwa akan membentuk kerajaan pada 16 September 2008, tetapi impian mereka meleset sama sekali.

"Jadi, ini bukan satu kaedab kempen yang bersifat psikologi yang asing bagi kita... kita sudah menjangka inilab yang akan dilakukannya oleh mereka," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan Barisan Nasional (BN) tidak boleh memandangkan dalam sebarang pertandingan dan persaingan pada pilihan raya.